

16 NOV 2000

Khalil-Imej

PENGAMAL PERHUBUNGAN AWAM DIMINTA TONJOLKAN IMEJ MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Pengamal perhubungan awam perlu menjadi pelengkap kepada usaha pemimpin kerajaan dalam menonjolkan imej negara secara positif dan tepat di dalam dan luar negara, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata usaha berterusan oleh pemimpin negara terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengharumkan nama Malaysia akan menjadi lebih berjaya dengan pertolongan mereka.

"Usaha tanpa jemu oleh pemimpin-pemimpin kita...harus dilengkapi dengan perhubungan awam yang berkesan. Saya percaya bahawa beliau tidak harus dibiarkan bersendirian dalam usaha itu," katanya pada Forum Perhubungan Awam Korporat Nasional 2000 di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya Datuk Mohamed Khalid Yunus.

Khalil juga berkata adalah penting bagi industri itu untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan maklumat yang diperlukan bagi membolehkan mereka menjadi lebih efektif.

"Kegagalan pengamal perhubungan awam terlatih untuk mendapatkan pengetahuan yang diperlukan sering dijadikan sebagai alasan oleh pihak pengurusan yang mengambil kerja seseorang yang berpengetahuan, seperti jurutera atau akauntan, dan mengajar mereka mengenai perhubungan awam," katanya.

Beliau juga berkata pengamal perhubungan awam perlu membuat persediaan untuk menghadapi pelbagai cabaran yang dibawa oleh globalisasi apabila sesetengah isu akan menjadi tanpa sempadan dan dengan itu pendapat orang ramai perlu diawasi secara global.

Kira-kira 100 peserta dari pelbagai sektor menghadiri forum sehari itu.

-- BERNAMA

NM ZS RHM